

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 20 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6525**

**SOALAN:**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan polis mengenai dua laporan polis (Jitra/009674/13 dan Jitra/009236/13) yang dibuat mengenai kecederaan yang dialami Zul Hilmi Bin Abdul Rahman semasa dalam tahanan polis daripada 11 Disember 2013 sehingga 22 Disember 2013.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kedua-dua laporan polis berkenaan adalah berkaitan dengan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Siasatan mendapati mangsa dikatakan dipukul semasa ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu. Mangsa mendakwa ditampar dan dipukul di bahagian tapak kaki beberapa kali. Laporan perubatan daripada Hospital Jitra menyatakan ‘Tiada Kesan Lebam Kelihatan’.**

**Kertas Siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya setelah siasatan lengkap.**